



INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI (INSAN)

JABATAN KETUA MENTERI
TINGKAT 1, 7 & 8, BLOK A, WISMA MUIS
BEG BERKUNCI 97
88999 KOTA KINABALU, SABAH

Tel: 088-315172/315186

No. Faks: 088-268742

[Http://www.sabah.gov.my/insan](http://www.sabah.gov.my/insan)

Rujukan: INSAN/ITC/100-44/01/10

Tarikh: 16 Ogos 2010

Kepada Semua Setiausaha, Jurutrengkas dan Pembantu Khas

Melalui: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua-Ketua Jabatan Negeri
Semua Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pengerusi Majlis-Majlis Daerah
Semua Pegawai-Pegawai Daerah

Datuk/Tuan/Puan,

MINGGU SETIAUSAHA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI 2010

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN) akan menganjurkan Minggu Setiausaha Perkhidmatan Awam pada **26 hingga 27 Oktober 2010**.

2. Sempena sambutan Minggu Setiausaha Perkhidmatan Awam 2010, pencalonan dibuka bagi **Anugerah Setiausaha Cemerlang 2010 bagi yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam**. Oleh itu, Datuk/Tuan/Puan diminta mencalonkan kakitangan yang layak dan memenuhi syarat serta kriteria bagi anugerah tersebut. (Dilampirkan syarat dan kriteria).
3. Sehubungan dengan ini, Institut ini juga mempelawa kakitangan Datuk/Tuan/Puan dari kumpulan sokongan berjawatan **Setiausaha, Pembantu Khas, Pembantu Tadbir (K)/Memangku jawatan N17 (K)** bagi menyertai aktiviti sepanjang minggu tersebut.
4. Bersama-sama ini juga disertakan borang Pencalonan Anugerah Setiausaha Cemerlang 2010 dan borang menyertai aktiviti MSPA 2010. Sila lengkapkan borang yang disertakan bersama dan kembalikan atau hantar terus melalui faks ke talian **088-268742** sebelum atau pada **06 Oktober 2010**.


**Urusetia
Jawatankuasa Minggu Setiausaha Perkhidmatan Awam 2010
Tingkat 8, Blok A Wisma MUIS
Kota Kinabalu**

Sebarang pertanyaan sila berhubung di talian **088-315172 Cik Kamsiah Ibrahim**, 088-315186, 088-315193, 088-315209.

5. Kerjasama Datuk/Tuan/Puan bagi menjayakan Minggu ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(SA'ADILAH HAJI ABDILLAH)
Pengarah
Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN)

Ki/